

Keputusan semak rayuan Najib diketahui hujung Mac

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengetahui selewat-lewatnya akhir bulan ini sama ada beliau dibenar menyemak keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengekalkan sabitan dan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta kerana menyeleweng RM42 juta dana SRC International.

Panel lima hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Abdul Rahman Sebli menangkan keputusan permohonan tersebut selepas mendengar hujah peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah dan Timbalan Pendakwa Raya Ad Hoc, Datuk V. Sithambaram.

Hakim Abdul Rahman berkata, panel itu tidak berada dalam kedudukan untuk mengumumkan keputusan dan akan memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan selewat-lewatnya pada 31 Mac ini.

Beliau turut bersidang bersama tiga Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Vernon Ong Kiat, Datuk Rhodzariah Bujang, Datuk Nordin Hassan dan Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Abu Bakar Jais.

Prosiding berlangsung enam



MUHAMMAD Shafee Abdullah hadir di Mahkamah Persekutuan Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

hari bermula 19 Januari lalu.

Terdahulu, Muhammad Shafee berhujah, Mahkamah Persekutuan diminta memperbetulkan kekhilafan panel terdahulu yang menyebabkan Najib menjadi mangsa salah laksana keadilan sehingga haknya dinahkan untuk mendapat pendengaran rayuan yang adil.

Hujah beliau, Najib tidak menyedari kesan akibat ketidakadilan tersebut apabila haknya dinahkan yang membawa kepada penghakiman

yang tidak sempurna dicapai oleh panel terdahulu.

Muhammad Shafee selanjutnya berhujah, panel sebelum ini gagal mempertimbang situasi bahawa mahkamah tidak boleh menolak jika peguam berhasrat menarik diri daripada mewakili anak guam.

Selain itu, Muhammad Shafee turut menarik perhatian berkaitan suami kepada Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat, Datuk Zamani Ibrahim yang menyatakan

kebencian secara terbuka terhadap Najib melalui hantaran Facebook, empat tahun lalu.

Melalui hantaran di laman sosial itu, Muhammad Shafee berkata, Zamani membuat kenyataan yang tidak menyenangkan yang boleh dibaca oleh orang awam.

"Beliau (Zamani) membuat kesimpulan bahawa Najib bersalah walaupun kes IMDB dan SRC International Sdn. Bhd. belum didengar di mahkamah.

"Hantaran berkenaan tidak (dibuat) secara berselindung. Tetapi dalam kes ini, tiada pendedahan dibuat oleh Ketua Hakim Negara. Jadi wujud persepsi awam sama ada perbicaraan adil atau sebaliknya," kata beliau.

Najib memohon kebenaran menyemak dan membatalkan keputusan panel lima hakim Mahkamah Persekutuan diketuai Ketua Hakim Negara pada 23 Ogos 2022 agar rayuannya didengar semula.

Bekas Ahli Parlimen Pekan itu memohon rayuan berkenaan didengar korum Mahkamah Persekutuan lain yang mengandungi tidak kurang daripada tujuh hakim atau kuorum yang difikirkan wajar oleh mahkamah.